



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 5 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	TINGKAT SIMPANAN BERAS NEGARA, KOSMO -6 STOK PENIMBAL BERAS NEGARA DITINGKATKAN KEPADA 290,000 TAN METRIK MENJELANG 2023, BERNAMA -ONLINE STOK BERAS NEGARA MENINGKAT 290,000 TAN MENJELANG 2023, SH -ONLINE SIMPANAN STOKPAIL BERAS NEGARA AKAN DITINGKATKAN KE 290,000 TAN METRIK, WARTA ORIENTAL.COM -ONLINE STOK BERAS DITINGKATKAN KEPADA 290,000 TAN, BH -ONLINE INDUSTRI PADI, BERAS TIDAK TERJEJAS WALAUPUN NEGARA BERDEPAN PANDEMIK COVID-19, SABAH NEWS.COM -ONLINE TINGKATKAN STOK BERAS 290,000 TAN MENJELANG 2023, KOSMO -ONLINE STOK PENIMBAL BERAS NEGARA DITINGKATKAN KEPADA 290,000 TAN METRIK MENJELANG 2023, ASTRO AWANI -ONLINE STOK BERAS DITINGKATKAN 290,000 TAN MENJELANG 2023, UM -ONLINE RICE RESERVE EXPECTED TO INCREASE TO 290,000 TONNES BY 2023, CHINA PRESS -ONLINE BERNAS AKAN TINGKATKAN JUMLAH PEGANGAN STOKPAIL BERAS NEGARA MENJELANG AKHIR TAHUN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE RICE INDUSTRY NOT AFFECTED BY PANDEMIC, BORNEO POST (KK) -ONLINE SIMPANAN STOKPAIL BERAS NEGARA AKAN DITINGKATKAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE RICE INDUSTRY NOT AFFECTED BY COVID-19 PANDEMIC, THE SUNDAY POST (KUCHING) -ONLINE MAFI SASAR 250 LAGI USAHAWAN MUDA, NASIONAL SH -28 MAFI SASAR 250 LAGI USAHAWAN MUDA TERIMA GERAN AGROPRENEUR MUDA, SH -ONLINE SERAMAI 250 LAGI USAHAWAN TANI BAKAL DIBERI GERAN AGROPRENEUR MUDA, MELAKA HARI INI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA (MAFI)
18. 19. 20. 21. 22. 23. 24.	476,100 BENIH UDANG, IKAN DILEPASKAN DI PERAIRAN NEGARA, NASIONAL, SH -28 LEBIH 7,000 LESEN NELAYAN DITARIK BALIK, SH -ONLINE 7385 FISHING LICENCE REVOKED IN 5 YEARS, NEWS, SIN CHEW DAILY (MELAKA) -2 FISHERIES DEPT RELEASED 476100 FISH, SHRIMP SEEDS SINCE JAN, NEWS, SIN CHEW DAILY (MELAKA) -5 476,100 BENIH UDANG, IKAN DILEPASKAN, SH -ONLINE 470,000 BENIH IKAN. UDANG DILEPAS TAMPUNG PROTEIN NEGARA, UM -ONLINE 7,385 LESEN VESEL DITARIK BALIK, LOKAL, HM -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
25. 26.	KILANG DI JOHOR BHARU SETUJU BELI UDANG HARIMAU, LOKAL, HM -9 LKIM BANTU ATAS LAMBAKAN UDANG MELAKA, DALAM NEGERI, UM -9	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
27. 28. 29. 30. 31. 32. 33. 34. 35. 36. 37.	SYOR GABUNGAN KEMENTERIAN DEMI SEKURITI MAKANAN NEGARA, BH -ONLINE PASAR TANI BAKAL DIWUJUDKAN DI KAMPUNG RAJANG: LEN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE KANDANG TERNAKAN DIGENANGI AIR, DALAM NEGERI, UM -38 KERAJAAN DISARAN GABUNG DUA KEMENTERIAN, NASIONAL, BH -6 ANGGUR PD, LOKAL, METRO AHAD -11 TUAI HASIL 6,000KG SETIAP BULAN, XPRESI, METRO AHAD -36 BAHAN PENGALAK BANTU TANAMAN CILI, XPRESI, METRO AHAD -37 SUSU SEGAR LADANG KUALA SELANGOR, NEGARA, KSOMO -12 TANGISAN PENYU DI PANTAI BATU BUROK, PANORAMA, KOSMO AHAD -17 HIKMAH PKP, SANG AGAR BERHENTI MAJUK, PANORAMA, KOSMO AHAD -18 PENDIDIKAN PEMULIHARAAN PENYU PERLU DIPERGIAT, PANORAMA, KOSMO AHAD -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Terima bantuan
melalui geran
Agropreneur Muda
sehingga hujung
tahun ini

Oleh NOR FARHANA YAACOB

ALOR GAJAH

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan kira-kira 250 lagi usahawan muda untuk menerima manfaat Geran Agropreneur Muda sehingga penghujung tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini dianggarkan seramai 500 usahawan telah mendapat manfaat geran tersebut menerusi peruntukan sebanyak RM15 juta yang disalurkan kepada kementerian itu tahun ini.

Beliau bagaimanapun berkata, masih terdapat baki per-



MUHAMMAD ADLI ZIKRY

untukan untuk usahawan muda memohon geran tersebut bagi membantu mereka memulakan projek pertanian.

"Kita menganggarkan kira-kira 750 usahawan yang akan menerima geran berkenaan sepanjang tahun ini dengan menawarkan geran minimum sebanyak RM20,000 melibatkan pembelian peralatan seperti mesin dan sebagainya.

"Setakat ini sebanyak RM10 juta telah disalurkan kepada 500 daripada 750 usahawan muda yang terdiri daripada pelbagai bantuan geran," katanya ketika sidang akhbar selepas mengagihkan Geran Agropreneur Muda 2021 sempena lawatan kerjanya di Villa D'Acqua, Kampung Pulau, Masjid Tanah di sini pada Sabtu.

Sementara itu, usahawan



Ahmad (tengah) menyampaikan replika Geran Agropreneur Muda 2021 kepada penerima di Masjid Tanah pada Sabtu.

muda tanaman panas, Muhammad Adli Zikry Rosdi, 22, berkata, geran bernilai RM20,000 yang diterima dapat membantunya membeli lebih banyak benih dan baja untuk tanam selain mesin.

Dia menyahut cabaran kerana minat mengusahakan tanaman

nanas MD2 di atas tanah seluas 0.6 hektar di Kampung Parit Melana, Durian Tunggal sejak tahun lalu.

"Dengan dibantu ayah, saya dapat mengusahakan kira-kira 16,000 pokok nanas dan dijangka mengeluarkan hasil penghujung Disember depan.

"Saya bersyukur terpilih menerima geran ini. Ia motivasi untuk saya lebih gigih menceburi bidang pertanian," ujarnya.

Seramai 33 usahawan negeri itu menerima inisiatif berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM660,000.

476,100 benih udang, ikan dilepaskan di perairan negara

MELAKA - Jabatan Perikanan Malaysia telah melepaskan kira-kira 476,100 benih udang dan ikan di perairan umum negara bermula awal Januari tahun ini hingga sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 300,000 adalah benih udang manakala 176,100 merupakan benih ikan yang dilepaskan untuk manfaat penduduk setempat.

Menurutnya, langkah itu bagi memastikan keperluan bekalan protein negara mencukupi untuk keperluan rakyat dan terus meningkat bergantung kepada keperluan serta populasi penduduk.

Katanya, jaminan bekalan ikan menjadi cabaran besar kepada jabatan itu akibat beberapa faktor, antaranya perubahan iklim, kenaikan harga input, liberalisasi kewangan dan persaingan makanan.



Ahmad (tengah) menunjukkan sebahagian benih udang untuk dilepaskan di perairan negara.

"Pelepasan benih udang bertujuan menambah dan mengekalkan stok udang dan melindungi stok ikan asli yang terdapat di perairan umum kita.

"Malah, kaedah ini dapat memperkenalkan perikanan rekreasi sebagai salah satu akti-

viti utama dalam perairan berdekatan bandar," kata beliau selepas melepaskan benih udang galah di Paya Lebar, Lubok China di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Jabatan Perikanan



Ahmad (dua dari kanan) melepaskan benih udang di Sungai Paya Lebar, Lubok China pada Sabtu.

Malaysia, Ahmad Tarmidzi Ramly; Exco Pertanian, Penternakan dan Pembangunan Usahawan Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyati Samsudin. Sementara itu, Ahmad ber-

kata, kementerian tersebut memperuntukkan sebanyak RM14,000 bagi melepaskan 100,000 benih udang galah yang juga merupakan sebahagian daripada kalendar aktiviti Pejabat Perikanan negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Lebih 7,000 lesen nelayan ditarik balik



Ahmad (empat, kanan) menyerahkan bakul makanan kepada MAFI kepada nelayan Parlimen Masjid Tanah, di Kuala Sungai Baru, di sini, pada Sabtu.

ALOR GAJAH - Jabatan Perikanan Malaysia telah menarik balik lebih 7,000 lesen menangkap ikan selepas nelayan terlibat dikesan tidak mematuhi dasar dan prosedur perlesenan ditetapkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, jumlah itu direkodkan sepanjang proses pemutihan yang dilakukan sejak 2015 sehingga tahun lalu.

Menurutnya, tujuan pemutihan dibuat bagi mengenal pasti status nelayan sama ada aktif atau sebaliknya sekali gus memberi peluang kepada permohonan baharu lesen menangkap ikan oleh individu lain.

"Sejak 2015 lagi, mereka dikesan tidak lagi aktif termasuk gagal menghidupkan lesen lebih daripada setahun, malah ada yang tidak menjadi nelayan dan telah meninggal dunia.

"Proses ini penting supaya mereka terus aktif dan kita juga dapat meluluskan permohonan lesen baharu mengikut kesesuaian jumlah nelayan dengan hasil laut di kawasan perairan tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar program penyerahan sumbangan bakul makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada nelayan Parlimen Masjid Tanah di Kuala Sungai Baru di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebanyak 3,629 lesen sampan khas menangkap ikan telah diluluskan di seluruh negara dengan kebanyakannya membabitkan nelayan laut pada tahun ini.

"Seperti Melaka, kita menerima 300 permohonan lesen daripada nelayan laut, manakala nelayan darat seramai 200 orang dan meluluskan 141 lesen sampan khas memancing ikan.

"Seramai 34 nelayan daerah Alor Gajah pula menerima sijil lesen sampan khas.

"Untuk seluruh negara pula sebanyak 3,629 lesen sampan khas diberikan," katanya.

Headline	7385 fishing licence revoked in 5 years		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Melaka)		
Date	05 Sep 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	70,157
Page No	2	Readership	210,471
Language	Chinese	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,379
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,136



阿末韩查：漁業局漂白計劃 5年撤7385捕魚執照



阿末韩查（右三）移交物资给渔民代表，右一起为阿末鲁丁及哈斯而德。（魏美琪摄）

（马六甲4日讯）农业及食物工业部（MAFI）副部长拿督斯里阿末韩查指出，渔业局从2015年至2020年撤回7385张捕鱼执照，包括一些渔民没有出海捕鱼、超过一年没有更新捕鱼执照或去世等。

他表示，渔业局在2015年至去年间展开漂白计划，确保只有活跃的渔民可获得执照。

“2015年全国共有5万6211艘捕鱼船，去年在漂白计划下，减少至4万8826艘渔船。”

他说，此举能够让其他人有机会申请新的捕鱼执照，也避免一些不活跃的渔民继续享有各项福利。

阿末韩查是于今早在双溪峇汝移交物资给渔民代表后，在记者会上如此表示。出席者包括马六甲那国会议员拿督玛丝艾雅雅蒂、农业部秘书长拿督哈斯而德、总监阿末达米兹、甲州农业、农基工业、企业发展及合作社委员会主席拿督诺依古行政议员、双溪峇汝州议员拿督依斯迈奥斯曼及阿依礼茂州议员拿督阿末鲁丁尤索夫。



养渔业户卢天顺（前排左一）接领器材，右一为阿末韩查。（魏美琪摄）

他今早也移交渔船特别执照给34名亚罗牙也及马六甲那的渔民。他说，今年全国已经发出3629张渔船特别执照，甲州渔业局今年共发出141张渔船特别执照给渔民，去年仅发出30张该执照。

Headline	Fisheries Dept released 476100 fish, shrimp seeds since Jan		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Melaka)		
Date	05 Sep 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	70,157
Page No	5	Readership	210,471
Language	Chinese	ArticleSize	264 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,600
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,800



30万只虾苗至公共水域
渔业局今年1月至今已经释放17万6100只鱼苗及



阿末韩查：1月迄今

漁業局釋放47萬魚蝦苗

（马六甲4日讯）农业及食物工业部（MAFI）副部长拿督斯里阿末韩查指出，我国渔业局今年1月至今，已经释放17万6100只鱼苗及30万只虾苗至公共水域。

他说，政府这项措施是为了确保国内的供应充足，由于气候变化、成本价格上涨及食品竞争等多种因素，鱼类供应将继续成为该部门的最大挑战。

阿末韩查是于今早在巴也乐岩（Paya Kelan）河一带放入10万只虾苗，并在双溪峇汝移交物资于渔民代表后，在记者会上，如此表示。

出席者包括马六甲那国会议员拿督玛拉及米雅蒂、农业部部长拿督哈斯娜娜、总路阿末达米兹、甲州农业、农基工业、企业发展及合作社委员会主席拿督诺依古行政议员、双溪峇汝国会议员拿督依斯迈奥斯曼及阿依礼茂州议员拿督阿末鲁丁尤索夫。

“通过释放虾苗，能够确保龙虾货源充足，保护公共水域的渔产，同时也介绍休闲渔业地点等。”

此外，阿末韩查指出，甲州内发生龙虾滞销的情况，虽然在国家复苏计划下，餐馆及饮食店没有相关的需求，但是龙虾在市场上依旧青睞。

他说，甚至有来自柔佛的批发商前来购买龙虾来销售，包括通过线上销售。



阿末鲁丁（前排左一起）、阿末韩查、玛拉米雅蒂及哈斯娜娜展示渔业局准备的虾苗。



↑ 阿末鲁丁（前排右一起）、阿末韩查、玛拉米雅蒂及诺依古一起释放虾苗。

★巴也乐岩河可看到自然生态。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

476,100 benih udang, ikan dilepaskan



Ahmad (dua dari kanan) melepaskan benih udang di Sungai Paya Lebar, Lubok China di sini, pada Sabtu.

MELAKA - Jabatan Perikanan Malaysia sudah melepaskan kira-kira 476,100 benih udang dan ikan di perairan umum negara bermula awal Januari tahun ini hingga sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu sebanyak 300,000 adalah benih udang manakala 176,100 merupakan benih ikan yang dilepaskan untuk manfaat penduduk setempat.

Menurutnya, langkah itu bagi memastikan keperluan bekalan protein negara mencukupi untuk keperluan rakyat dan terus meningkat bergantung kepada keperluan serta populasi penduduk.

Katanya, jaminan bekalan ikan makan menjadi cabaran besar kepada jabatan itu akibat beberapa faktor antaranya perubahan iklim, kenaikan harga input, liberalisasi kewangan dan persaingan makanan.

"Pelepasan benih udang bertujuan menambah dan mengekalkan stok udang dan melindungi stok ikan asli yang terdapat di perairan umum kita.



Ahmad (tengah) menunjukkan sebahagian benih udang yang akan dilepaskan di Sungai Paya Lebar, Lubok China di sini pada Sabtu.

"Malah kaedah ini dapat memperkenalkan perikanan rekreasi sebagai salah satu aktiviti utama dalam perairan berdekatan bandar," kata beliau selepas melepaskan benih udang galah di Paya Lebar, Lubok China di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Jabatan Perikanan Malaysia, Ahmad Tarmidzi Ramly; Exco Pertanian, Penternakan dan Pembangunan Usahawan, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian tersebut memperuntukkan sebanyak RM14,000 bagi melepaskan sejumlah 100,000 benih udang galah yang juga merupakan sebahagian daripada kalendar aktiviti Pejabat Perikanan negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

470,000 benih ikan, udang dilepas tampung protein negara



AHMAD Hamzah (empat dari kanan) melepaskan benih udang galah ke sungai di Paya Lebar, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

ALOR GAJAH: Jabatan Perikanan melepaskan hampir setengah juta benih ikan dan udang di perairan umum bagi menampung keperluan protein negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sejak awal tahun ini, sebanyak 300,000 benih udang dan 176,100 benih

ikan dilepaskan.

Katanya, pelepasan itu bagi memastikan keperluan bekalan protein negara mencukupi dan terus meningkat mengikut jumlah populasi semasa penduduk.

"Jaminan bekalan ikan terus menjadi cabaran besar disebabkan beberapa faktor antaranya perubahan iklim, kenaikan harga input, liberalisasi kewangan dan persaingan makanan.

"Pelepasan benih udang bertujuan menambah dan mengekalkan stok udang serta protein ikan asli yang terdapat di perairan umum kita," katanya melepaskan benih udang galah di Paya Lebar, Masjid Tanah di sini, hari ini.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly; Pengerusi Jawatankuasa Penternakan dan Pembangunan Usahawan Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin. – UTUSAN ONLINE

7,385 lesen vesel ditarik balik

Masjid Tanah: Jabatan Perikanan menarik balik 7,385 lesen vesel dari 2015 hingga 2020 berikutan pelbagai kesalahan dilakukan nelayan termasuk tidak turun ke laut menangkap ikan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia dilaksanakan melalui program pemutihan dari semasa ke semasa sepanjang lima tahun bagi memastikan hanya nelayan aktif diberi lesen.

"Langkah berkenaan menjadikan hanya ada 48,826 Lesen Vesel setakat tahun lalu berbanding 56,211 pada 2015. Jumlah Lesen Vesel membolehkan bot dan perahu dikeluarkan mengikut kajian jumlah sumber perikanan yang ada di perairan negara.

"Kita tidak mahu jumlah lesen melebihi jangkaan sumber perikanan yang ada. Kita tidak mahu nelayan yang tidak layak menerima lesen itu, terutama yang tidak turun ke laut, tetapi menikmati pelbagai kemudahan seperti Elaun Sara Hidup Nelayan dan E-Petrol serta E-Diesel," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta nelayan tidak menyalahgunakan lesen vesel dengan menyerahkan operasi menangkap ikan kepada pihak lain atau tidak turun ke laut tetapi menikmati kemudahan itu.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Lesen Sampan Khas kepada 34

nelayan daerah Alor Gajah dan Masjid Tanah di Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) di Kuala Sungai Baru, di sini, semalam.

Hadir sama, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Operasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee; Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyati Samsudin dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramli.

Terdahulu, Ahmad Hamzah melepaskan 100,000 anak udang galah di Sungai Rembau dan Sungai Ramuan Cina, Lubok Cina, dekat sini, bagi membantu mengekalkan sumber haiwan marin itu di sungai berkenaan yang berfungsi sebagai sumber pendapatan utama nelayan sungai Kampung Paya Lebar dan beberapa kampung sekitarnya.

Ahmad Hamzah berkata, bagi seluruh Melaka, Jabatan Perikanan negeri mengeluarkan 141 Lesen Sampan Khas pada tahun ini berbanding 30 tahun lalu.

Mengenai benih udang galah, beliau berkata, pelepasan 100,000 anak udang galah membolehkan kos RM14,000 semata-mata bagi melestarikan sumber udang galah.

"Sebanyak 300,000 anak udang galah, dan 176,100 anak ikan dilepaskan di beberapa sungai di Melaka dari Januari lalu hingga hari ini," katanya.



AHMAD (tga dari kanan) melepaskan benih udang galah ke Sungai Ramuan Cina, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	KOSMO	NEGARA	6

Tingkat simpanan beras negara

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Simpanan beras negara akan ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, penambahan itu bakal ditingkatkan secara berperingkat.

"Kita juga meningkatkan jumlah pegangan simpanan beras negara kepada 200,000 tan metrik daripada 150,000 tan metrik yang ada sekarang menjelang akhir tahun ini.

"Kos penambahan keseluruhan simpanan beras negara sehingga tahun 2023 dianggarkan melibatkan kos RM230 juta dan ditanggung sepenuhnya oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selaku syarikat pemegang konsesi.

"Kita akan melaksanakan pemeriksaan berkala untuk me-



RONALD (dua dari kanan) ketika mengadakan tinjauan stokpail beras negara bagi zon Sabah di Telpok semalam.

mastikan bekalan beras di seluruh negara mencukupi, sekali gus mampu menampung keperluan rakyat termasuk semasa pandemik.

"Pemeriksaan berkala' dari

masa ke masa akan dibuat di semua lokasi penyimpanan beras meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak," katanya ketika sidang media selepas meninjau simpanan beras.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	BERNAMA	ONLINE	

Stok penimbal beras negara ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengadakan pemeriksaan ke gudang simpanan stok penimbal beras negara di Telipok, Kota Kinabalu, hari ini. (Kredit: Facebook Dr Ronald Kiandee)

KOTA KINABALU, 4 Sept -- Jumlah simpanan stok penimbal beras negara akan ditingkatkan secara berperingkat kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Ahli Parlimen Beluran itu berkata kos meningkatkan stok penimbal beras negara itu berjumlah RM250 juta akan ditanggung sepenuhnya Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebagaimana dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi dengan kerajaan.

"Menjelang akhir tahun ini juga, Bernas akan meningkatkan jumlah pegangan stok penimbal beras negara daripada 150,000 tan metrik kepada 200,000 tan metrik," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemeriksaan di gudang simpanan stok penimbal beras negara di Telipok, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah serta Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Azman Mahmood.

Ronald berkata Perjanjian Konsesi yang ditandatangani Bernas pada Disember 2020 telah menetapkan 10 obligasi sosial kepada syarikat itu yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh kerajaan.

Beliau berkata satu daripada obligasi sosial utama adalah untuk memelihara, menyelenggara dan mengurus stok penimbun beras negara dengan mematuhi semua garis panduan keselamatan dan prosedur operasi standard (SOP) sebagaimana ditetapkan oleh kerajaan.

Bernas setakat ini telah memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Mengulas mengenai pemeriksaan itu, Ronald berkata ia selaras dengan terma Perjanjian Konsesi berkenaan bagi memastikan stok beras negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa di semua 31 gudang stok penimbun beras di seluruh negara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Menurut beliau keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70 peratus daripada keperluan tersebut, justeru segala usaha perlu digerakkan bagi memastikan bekalan beras mencukupi antaranya dengan mengimport beras.

"Negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa," katanya.

Ronald berkata pengoperasian industri padi dan beras tempatan tidak terjejas walaupun negara berdepan dengan pandemik COVID-19 kerana kerajaan meletakkan pertanian termasuk penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Stok beras negara meningkat 290,000 tan menjelang 2023



Jeffrey (dua dari kanan) dan Ronald (kanan) ketika meninjau gudang simpanan beras stok stokpail negara di Telipok, Kota Kinabalu pada Sabtu.

SHAH ALAM - Simpanan stok beras negara akan ditingkatkan secara berperingkat kepada 290,000 tan metrik menjelang tahun 2023.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kos penambahan stok beras negara itu yang berjumlah RM250 juta akan ditanggung sepenuhnya oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Beliau berkata, menjelang akhir tahun ini, Bernas juga akan meningkatkan jumlah pegangan stok beras negara dari 150,000 kepada 200,000 tan metrik.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melakukan pemeriksaan berkala di seluruh negara bagi memastikan bekalan beras di seluruh negara sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan penduduk termasuk ketika tempoh pandemik Covid-19.



Ronald (dua dari kiri) dan Jeffrey (tiga dari kanan) ketika melakukan lawatan pemeriksaan gudang simpanan beras stok stokpail negara di Telipok, Kota Kinabalu pada Sabtu.

"Lawatan pemeriksaan berkala dibuat dari masa ke masa di semua lokasi penyimpanan stok beras yang meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Pihak kementerian akan sentiasa menilai tahap stok beras negara dalam menampung sebarang keperluan atau permintaan luar jangka," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menerusi kenyataan tersebut, Ronald dilaporkan telah mengetuai satu lawatan pemeriksaan ke gudang simpanan beras stok penimbal beras (stokpail) negara pada Sabtu di Telipok, Kota Kinabalu, Sabah.



Jeffrey (dua dari kiri) dan Ronald (dua dari kanan) ketika melakukan lawatan pemeriksaan ke gudang simpanan beras stok stokpail negara di Telipok, Kota Kinabalu pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Datuk Dr Jeffrey G Kitingan dan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras MAFI, Azman Mahmood.

Mengulas mengenai lawatan pemeriksaan tersebut, Ronald berkata, ia selaras dengan terma perjanjian konsesi antara kerajaan Malaysia dengan Bernas bagi memastikan stok beras negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa.

Menurutnya, terdapat sebanyak 31 gudang stok beras di seluruh negara dengan masing-masing terletak di semenanjung dan Sabah serta Sarawak.

“Prestasi pengurusan dan penyimpanan stok beras negara yang dilaksanakan oleh Bernas setakat ini telah memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh kerajaan,” ujarnya.

Sementara itu, Ronald berkata, keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia kini mencapai sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara berada sekitar 70 peratus daripada keperluan tersebut.

“Oleh itu, negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa,” katanya.

Tambah beliau, pengoperasian industri padi dan beras tempatan tidak terjejas walaupun negara sedang berdepan dengan pandemik Covid-19.



Ronald (depan, tiga dari kiri) dan Jeffrey (depan, tiga dari kanan) ketika meninjau gudang simpanan beras stok stokpail negara di Telipok, Kota Kinabalu pada Sabtu.

Jelasnya, kerajaan meletakkan aktiviti pertanian termasuk aktiviti penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan dapat diperolehi oleh rakyat sepanjang masa.

“Kerajaan akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara serta menjamin kecukupan stok beras negara,” katanya.

Dalam pada itu, Ronald memaklumkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) bakal merangkumi strategi utama yang akan menetapkan hala tuju baharu bagi memartabatkan industri padi dan beras negara di samping meningkatkan pendapatan pesawah.

Katanya, antara matlamat utama DAN 2.0 yang akan dilancarkan dalam masa terdekat itu adalah bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras ke tahap 80 peratus dalam tempoh pelaksanaannya dari tahun 2021-2030.

“Peningkatan produktiviti padi negara akan membantu memastikan kemampuan bekalan padi dan beras dalam negara sekaligus menjamin sekuriti makanan negara untuk jangka panjang,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	WARTA ORIENTAL.COM	ONLINE	

Simpanan stokpail beras negara akan ditingkatkan ke 290,000 tan metrik



KOTA KINABALU: Jumlah simpanan stokpail beras negara akan ditingkatkan ke 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang tahun 2023.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, ini sebagaimana yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi dengan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Katanya, kos s penambahan stokpail beras negara tersebut sebanyak RM250 juta akan ditanggung sepenuhnya oleh BERNAS.

Menjelang akhir tahun ini, BERNAS akan meningkatkan jumlah pegangan stokpail beras negara dari 150,000 tan metrik kepada 200,000 tan metrik.

Beliau berkata demikian semasa mengetuai satu lawatan pemeriksaan ke gudang simpanan beras stok penimbal beras (stokpail) negara di Telipok, sini hari ini.

Lawatan pemeriksaan ini adalah selaras dengan terma Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia dan BERNAS bagi memastikan stokpail beras negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa.

Terdapat 31 gudang stokpail beras di seluruh negara masing-masing di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Perjanjian Konsesi yang ditandatangani pada bulan Disember 2020 yang lalu telah menetapkan 10 obligasi sosial kepada BERNAS yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh Kerajaan.

Salah satu obligasi sosial utama adalah untuk memelihara, menyelenggara dan mengurus stokpail beras negara dengan mematuhi kesemua garis panduan keselamatan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana ditetapkan oleh Kerajaan.

Lawatan pemeriksaan ini turut disertai oleh YB Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah serta Encik Azman Bin Mahmood, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, MAFI.

Dr. Ronald juga berkata, lawatan pemeriksaan berkala dibuat dari masa ke semasa di semua lokasi penyimpanan stokpail yang meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Pihak Kementerian akan sentiasa menilai tahap stokpail beras negara dalam menampung sebarang keperluan atau permintaan luar jangka.

Prestasi pengurusan dan penyimpanan stokpail beras negara yang dilaksanakan oleh BERNAS setakat ini telah memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Industri padi dan beras merupakan industri penting yang menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia. Keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70% daripada keperluan tersebut.

Oleh itu, negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa.

Pengoperasian industri padi dan beras tempatan adalah tidak terjejas walaupun negara pada ketika ini sedang berdepan dengan pandemik Covid-19.

Kerajaan telah meletakkan aktiviti pertanian termasuk aktiviti penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu (essential services) bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan dapat diperolehi oleh rakyat sepanjang masa.

Kerajaan akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara serta menjamin kecukupan stok beras negara.

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan tidak lama lagi bakal merangkumi antara lain, beberapa strategi utama untuk merealisasikan hala tuju baharu dalam memartabatkan industri padi dan beras negara di samping meningkatkan pendapatan pesawah.

Matlamat utama DAN 2.0 adalah untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras ke tahap 80% dalam tempoh pelaksanaan DAN 2.0 dari tahun 2021-2030.

Peningkatan produktiviti padi negara akan membantu memastikan kemampuan bekalan padi dan beras dalam negara sekaligus menjamin sekuriti makanan negara untuk jangka panjang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Stok beras ditingkatkan kepada 290,000 tan



Dr Jeffrey (dua kiri) dan Dr Ronald (tiga kiri) meninjau simpanan stok beras negara bagi zon Sabah di Telipok, Kota Kinabalu. - Foto NSTP/Izwan Abdullah

KOTA KINABALU: Stok penimbal beras negara akan ditingkatkan secara berperingkat kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata menjelang akhir tahun ini, jumlah stok penimbal beras negara akan ditingkatkan kepada 200,000 tan metrik, berbanding 150,000 tan metrik sekarang.

Katanya, penambahan stok penimbal beras negara sehingga 2023 membabitkan kos RM230 juta yang akan ditanggung oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), selaku syarikat pemegang konsesi.

Beliau berkata, kementeriannya melakukan pemeriksaan berkala untuk memastikan bekalan beras di seluruh negara sentiasa mencukupi, bagi menampung keperluan penduduk, termasuk sepanjang tempoh pandemik.

"Lawatan pemeriksaan berkala dibuat di semua lokasi penyimpanan stok penimbal beras negara yang meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Kementerian akan sentiasa menilai tahap stok penimbal beras negara dalam menampung keperluan atau permintaan luar jangka," katanya kepada pemberita selepas meninjau stok penimbal beras negara bagi zon Sabah, di Telipok, hari ini.



Bendang padi di Sanglang, Perlis membantu pengeluaran beras negara. - Foto NSTP/AIZAT SHARIF

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan, Azman Mahmood.

Ronald berkata, lawatan pemeriksaan berkenaan selaras dengan terma perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan BERNAS bagi memastikan stok penimbal negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan baik sepanjang masa.

Katanya, ada 31 gudang stok penimbal negara yang dikendalikan oleh BERNAS dan syarikat itu memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) yang ditetapkan kerajaan.

Sementara itu, Ronald berkata, ketika ini keperluan beras rakyat negara ini mencapai 2.5 juta tan metrik setahun, manakala pengeluaran beras negara ialah kira-kira 70 peratus daripada keperluan itu.

"Negara masih mengimport 30 peratus daripada keperluan atau kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun, bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara, selain memenuhi permintaan terhadap beras premium dan istimewa," katanya.

Ronald berkata, operasi industri padi dan beras tempatan tidak terjejas walaupun negara berdepan dengan pandemik COVID-19, berikutan langkah kerajaan meletakkan kegiatan pertanian termasuk penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu, bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

Katanya, kerajaan akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	SABAH NEWS.COM	ONLINE	

Industri Padi, Beras Tidak Terjejas Walaupun Negara Berdepan Pandemik COVID-19



Ronald (kanan) bersama Jeffrey (tengah) dan Azman semasa lawatan pemeriksaan pada gudang BERNAS di Telipok pagi tadi...

KOTA KINABALU, SABAH – Bekalan beras di Sabah adalah mencukupi sementara kerajaan berusaha meningkatkan stokpail negara ditingkatkan 290,000 metrik tan menjelang tahun 2023 bagi menambah jamin keselamatan makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, dalam satu lawatan pemeriksaan ke gudang simpanan beras Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di Telipok, sini berkata penambahan tersebut akan melibatkan kos RM 230 juta.

“KOS INI AKAN DITANGANGUNG SEPENUHNYA OLEH PIHAK BERNAS SELARAS DENGAN TERMA PERJANJIAN KONSESI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA...”

“Menjelang akhir tahun ini, stokpail beras akan ditingkatkan kepada 200,000 metrik tan daripada 150,000 metrik tan yang ada sekarang,” katanya.

Perjanjian Konsesi yang ditandatangani pada bulan Disember 2020 yang lalu telah menetapkan 10 obligasi sosial kepada BERNAS yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh Kerajaan di 31 gudang stokpail beras di seluruh negara.

Salah satu obligasi sosial utama adalah untuk memelihara, menyelenggara dan mengurus stokpail beras negara dengan mematuhi kesemua garis panduan keselamatan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana ditetapkan oleh Kerajaan.

“PIHAK KEMENTERIAN AKAN SENTIASA MENILAI TAHAP STOKPAIL BERAS NEGARA DALAM MENAMPUNG SEBARANG KEPERLUAN ATAU PERMINTAAN LUAR JANGKA...”

“Prestasi pengurusan dan penyimpanan stokpail beras negara yang dilaksanakan oleh BERNAS setakat ini telah memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh Kerajaan.

“Industri padi dan beras merupakan industri penting yang menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia dan keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70% daripada keperluan tersebut,” jelasnya.

Ronald berkata oleh itu, negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa.

“Kerajaan telah meletakkan aktiviti pertanian termasuk aktiviti penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu (essential services) bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan dapat diperolehi oleh rakyat sepanjang masa...

“Kerajaan juga akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaiannya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara serta menjamin kecukupan stok beras negara,” katanya.

Tambahnya, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan tidak lama lagi merangkumi beberapa strategi utama untuk merealisasikan hala tuju baharu dalam memartabatkan industri padi dan beras negara di samping meningkatkan pendapatan pesawah.

Matlamat utama DAN 2.0 adalah untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras ke tahap 80% dalam tempoh pelaksanaan DAN 2.0 dari tahun 2021-2030.

Lawatan itu turut disertai oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah serta Encik Azman Bin Mahmood, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, MAFI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	KOSMO	ONLINE	

Tingkatkan stok beras 290,000 tan menjelang 2023



Ronald (dua darin kanan) ketika mengadakan tinjauan stokpail beras negara bagi zon Sabah di Telipok hari ini.

KOTA KINABALU – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memaklumkan simpanan stok beras negara akan ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang tahun 2023.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pihaknya turut meningkatkan jumlah pegangan stok beras negara kepada 200,000 tan metrik daripada

150,000 tan metrik yang ada ketika ini menjelang akhir tahun ini.

“Kos penambahan keseluruhan beras negara sehingga tahun 2023 dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM230 juta dan ditanggung sepenuhnya oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selaku syarikat pemegang konsesi.

“Kita akan melaksanakan pemeriksaan berkala untuk memastikan bekalan beras di seluruh negara mencukupi sekali gus mampu menampung keperluan penduduk termasuk di musim pandemik.

“Pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa akan dibuat di semua lokasi penyimpanan beras negara meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas meninjau bekalan beras negara bagi zon Sabah di Telipok hari ini.

Mengulas lanjut, Ronald memberitahu, terdapat 31 gudang stokpail di seluruh negara yang dikendalikan Bernas ketika ini dan syarikat terbabit memenuhi indeks pencapaian prestasi (KPI) yang ditetapkan kerajaan.

Sementara itu, Ronald berkata, ketika ini keperluan beras rakyat negara ini mencapai 2.5 juta tan metrik setahun, manakala pengeluaran beras negara ialah kira-kira 70 peratus daripada keperluan itu. -KI ONLINE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Stok penimbal beras negara ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023



Kos meningkatkan stok penimbal beras negara itu berjumlah RM250 juta akan ditanggung sepenuhnya Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas). - Gambar hiasan

KOTA KINABALU: Jumlah simpanan stok penimbal beras negara akan ditingkatkan secara berperingkat kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee.

Ahli Parlimen Beluran itu berkata, kos meningkatkan stok penimbal beras negara itu berjumlah RM250 juta akan ditanggung sepenuhnya Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebagaimana dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi dengan kerajaan.

"Menjelang akhir tahun ini juga, Bernas akan meningkatkan jumlah pegangan stok penimbal beras negara daripada 150,000 tan metrik kepada 200,000 tan metrik," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemeriksaan di gudang simpanan stok penimbal beras negara di Telipok, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah serta Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Azman Mahmood.

Ronald berkata Perjanjian Konsesi yang ditandatangani Bernas pada Disember 2020 telah menetapkan 10 obligasi sosial kepada syarikat itu yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh kerajaan.

Beliau berkata satu daripada obligasi sosial utama adalah untuk memelihara, menyelenggara dan mengurus stok penimbal beras negara dengan mematuhi semua garis panduan keselamatan dan prosedur operasi standard (SOP) sebagaimana ditetapkan oleh kerajaan.

"Prestasi pengurusan dan penyimpanan stok beras negara yang dilaksanakan oleh Bernas setakat ini telah memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Mengulas mengenai pemeriksaan itu, Ronald berkata ia selaras dengan terma Perjanjian Konsesi berkenaan bagi memastikan stok beras negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa di semua 31 gudang stok penimbal beras di seluruh negara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Menurut beliau keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70 peratus daripada keperluan tersebut, justeru

segala usaha perlu digerakkan bagi memastikan bekalan beras mencukupi antaranya dengan mengimport beras.

"Negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa," katanya.

Ronald berkata pengoperasian industri padi dan beras tempatan tidak terjejas walaupun negara berdepan dengan pandemik COVID-19 kerana kerajaan meletakkan pertanian termasuk penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Stok beras ditingkatkan 290,000 tan menjelang 2023



PETALING JAYA: Jumlah simpanan stokpail beras negara ditingkatkan secara berperingkat kepada 290,000 tan metrik menjelang 2023.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, langkah itu sepertimana dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi dengan syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Katanya, menjelang akhir tahun ini, jumlah simpanan stok beras negara ditingkatkan kepada 200,000 tan metrik, berbanding 150,000 tan metrik ketika ini.

"Penambahan stok beras negara sehingga 2023 membabitkan kos RM230 juta yang ditanggung Bernas selaku syarikat pemegang konsesi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Terdahulu, beliau meninjau simpanan stok beras negara bagi zon Sabah di Telipok.

Yang hadir sama Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood.

Kiandee berkata, kementerianannya melakukan pemeriksaan berkala bagi memastikan bekalan beras di seluruh negara sentiasa mencukupi sekali gus menampung keperluan penduduk, termasuk sepanjang tempoh pandemik.

"Lawatan pemeriksaan berkala dibuat di semua lokasi penyimpanan simpanan stok beras negara yang meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Kementerian sentiasa menilai tahap stok beras negara dalam menampung keperluan atau permintaan luar jangka," katanya.

Menurutnya, lawatan pemeriksaan berkenaan selaras dengan terma perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan Bernas bagi memastikan simpanan stok negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan baik sepanjang masa.

"Ada 31 gudang simpanan stok negara yang dikendalikan Bernas dan syarikat itu memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) ditetapkan kerajaan.

"Ketika ini, keperluan beras rakyat negara ini mencapai 2.5 juta tan metrik setahun, manakala pengeluaran beras negara ialah kira-kira 70 peratus daripada keperluan itu.

"Negara masih mengimport 30 peratus daripada keperluan atau kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun, bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara selain memenuhi permintaan terhadap beras premium dan istimewa," katanya.

Tambah beliau, operasi industri padi dan beras tempatan tidak terjejas walaupun negara berdepan dengan pandemik Covid-19 berikutan langkah kerajaan meletakkan kegiatan pertanian termasuk

penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

“Kerajaan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara,” katanya. – UTUSAN ONLINE



05 SEP, 2021

Rice reserve expected to increase to 290,000 tonnes by 2023

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

（亞庇4日訊）农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪指出，在2023年，国内的米粮库存量将增加至29万公吨。

他说，根据国家稻米公司（BERNAS）与政府签署协议，国稻将因库存量增加而承担2亿5000万令吉成本。

“全国米粮库存量在今年势必从原有的15万公吨增至20万公吨，到了2023年再增至29万公吨。”

罗南建迪今日和沙巴副首长兼农渔部长拿督杰菲里吉丁岸，一同前往位于亚庇工业园的国稻米仓进行视察后，召开记者会这么指出。

他说，国稻于去年12月签署的特许经营权合约，履行政府所制

農長：米糧庫存量

2023年增至29萬公噸

定的10项社会责任，政府每年都会对其进行监测和评估。

他指出，其中一项责任是遵守政府制定的安全准则和标准作业程序，保护、维护和管理国内的米粮库存量。

“目前，国稻实施的国家米粮库存管理和储存的绩效，达到政府设定的关键绩效指标（KPI）。”

他补充，国人每年对白米的需求为250万公吨，当中70%自供，30%进口，因此国稻每年进口70万至90万公吨白米以弥补产量短缺。



汇报米粮库存计划，
■国稻职员向罗南建迪（中）及杰菲里吉丁岸（左）。



05 SEP, 2021

Rice reserve expected to increase to 290,000 tonnes by 2023

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(亚庇4日讯) 农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪指出，在2023年，国内的米粮库存量将增加至29万公吨。他说，根据国家稻米公司(BERNAS)与政府签署协议，国稻将因库存量增加而承担2亿5000万令吉成本。“全国米粮库存量在今年杪必须从原有的15万公吨增至20万公吨，到了2023年再增至29万顿。”罗南建迪今日和沙巴副首长兼农渔部长拿督杰菲里吉丁岸，一同前往位于亚庇工业园的国稻米仓进行视察。



05 SEP, 2021

BERNAS akan tingkatkan jumlah pegangan stokpail beras negara menjelang akhir tahun

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

BERNAS akan tingkatkan jumlah pegangan stokpail beras negara menjelang akhir tahun

Oleh Adriana Mroon Ambrose

PUTRAJAYA: Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) akan meningkatkan jumlah pegangan penimbal beras (stokpail) beras negara daripada 150,000 tan metrik kepada 200,000 tan metrik menjelang akhir tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kinandee berkata, sebagaimana dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, jumlah simpanan stokpail beras negara juga akan ditingkatkan kepada 200,000 tan metrik secara berperingkat menjelang tahun 2023.

"Kos penambahan stokpail beras negara tersebut sebanyak RM250 juta akan ditanggung sepenuhnya oleh BERNAS," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Ronald terdahulu mengetahui tinjauan simpanan stok beras negara bagi Zon Sabah di Telipok, Sabah semalam.

Ronald berkata, lawatan pemeriksaan ini adalah selaras dengan terma Perjanjian Konsesi antara kerajaan Malaysia dan BERNAS bagi memastikan stokpail beras

negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa.

"Lawatan pemeriksaan berkala dibuat dari semasa ke semasa di kesemua 31 lokasi penyimpanan stokpail yang meliputi Zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Pihak kementerian akan sentiasa menilai tahap stokpail beras negara dalam menampung sebarang keperluan atau permintaan luar jangka," katanya.

Turut hadir dalam lawatan itu ialah Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah Datuk Dr Jeffrey Kit-ingan dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood.

Ronald turut menjelaskan prestasi pengurusan dan penyimpanan stokpail beras negara yang dilaksanakan oleh BERNAS setakat ini telah memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70



05 SEP, 2021

BERNAS akan tingkatkan jumlah pegangan stokpail beras negara menjelang akhir tahun

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



MANTAP: Ronald (barisan hadapan, tiga kiri) dan Jeffrey (barisan hadapan, empat kiri) pada lawatan pemeriksaan ke gudang simpanan beras stok penimbal beras negara di Tollypok, Sabah semalam.

peratus daripada keperluan tersebut.

"Negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan

istimewa," katanya.

Beliau menjelaskan, Perjanjian Konsesi yang ditandatangani pada Disember 2020 telah menetapkan 10 obligasi sosial kepada BERNAS yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh kerajaan.

"Salah satu obligasi sosial utama adalah untuk mem-

lihara, menyelenggara dan mengurus stokpail beras negara dengan mematuhi kesemua garis panduan keselamatan dan prosedur operasi standard (SOP) sebagaimana ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, pengoperasian industri

padi dan beras tempatan tidak terjejas walaupun negara pada ketika ini sedang berdepan dengan pandemik COVID-19.

"Kerajaan telah meletakkan aktiviti pertanian termasuk aktiviti penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu bagi memastikan bekalan

makanan negara sentiasa mencukupi dan dapat dipecahkan oleh rakyat sepanjang masa.

"Kerajaan akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantainya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan rui negara serta menjamin kecukupan stok beras negara," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ronald berkata, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan tidak lama lagi bakal merangkumi beberapa strategi utama untuk merealisasikan hala tuju baharu dalam memartabatkan industri padi dan beras negara di samping meningkatkan pendapatan pesawah.

Matlamat utama DAN 2.0 katanya, adalah untuk meningkatkan tahap sara diri (SSI) beras ke tahap 80 peratus dalam tempoh pelaksanaan DAN 2.0 dari tahun 2021-2030.

"Peningkatan produktiviti padi negara akan membantu memastikan kemampunan bekalan padi dan beras dalam negara sekali gus menjamin sekuriti makanan negara untuk jangka panjang," katanya.



05 SEP, 2021

BERNAS akan tingkatkan jumlah pegangan stokpail beras negara menjelang akhir tahun

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) akan meningkatkan jumlah pegangan penimbal beras (stokpail) beras negara daripada 150,000 tan metrik kepada 200,000 tan metrik menjelang akhir tahun ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sebagaimana dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, jumlah simpanan stokpail beras negara juga akan ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang tahun 2023.



05 SEP, 2021

Rice industry not affected by pandemic

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Rice industry not affected by pandemic

KOTA KINABALU: The padi and rice industry is an important one as it produces the staple food of Malaysians, said Agriculture and Food Industry minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

According to him, the annual requirement of rice for Malaysians is 2.5 million metric tonnes while the country's rice production is around 70 per cent of that requirement.

Therefore the country still imports 700,000 to 900,000 metric tonnes of rice annually to meet the domestic demand for premium and speciality rice, he said.

Speaking to the media after visiting the national rice stockpile warehouse in Telipok here on Saturday, Dr Ronald disclosed that the padi and local rice industry's operation was not affected by the Covid-19 pandemic.

"The government placed agriculture activities, including padi planting activity as essential service to ensure that the country's food supply is always sufficient and easily accessible by the rakyat at all times.

"The government in guaranteeing the continuity of the country's staple food supply as well as ensuring the sufficient rice stock, will ensure the smooth operation of the padi and rice industry as well as its chain of industries," he stressed.

Dr Ronald was accompanied by Deputy Chief Minister cum Agriculture and Fisheries Minister Datuk Dr Jeffrey G. Kitingan and MAF's Padi and Rice Supply Regulator's Director



Dr Ronald (right) and Dr Jeffrey (centre) inspecting the rice stockpile on Saturday.

General Azman Mahmood.

The visit was in line with the terms of the concession agreement between the Malaysian government and Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) to ensure that the country's rice stockpile is always sufficient and in good condition at all times.

There are 31 rice stockpile warehouses nationwide in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak respectively.

The concession agreement signed in December 2020 has set 10 social obligations to Bernas which will be monitored and evaluated annually by the

government.

One of the main social obligations is to preserve, maintain and manage the country's rice stockpile by complying with all safety guidelines and Standard Operating Procedures (SOPs) as prescribed by the government.

According to Dr Ronald, as agreed in the concession agreement, the country's total rice stockpile will also be increased to 290,000 metric tonnes in stages by 2023. The additional cost of the country's rice stockpile of RM250 million will be fully borne by Bernas.

By the end of this year, Bernas

will increase the country's total rice stockpile holdings from 150,000 tonnes to 200,000 tonnes, he said, adding that periodic inspection visits were made from time to time to all stockpile storage locations and the ministry will always ensure that the country's rice stockpile is sufficient to meet any unforeseen needs or demands.

"The performance of the management and storage of the national rice stockpile implemented by Bernas so far has met the Performance Performance Index (KPI) of social obligations set by the government," he added.



05 SEP, 2021

Rice industry not affected by pandemic

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: The padi and rice industry is an important one as it produces the staple food of Malaysians, said Agriculture and Food Industry minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. According to him, the annual requirement of rice for Malaysians is 2.4 million metric tonnes while the country's rice production is around 70 per cent of that requirement.



05 SEP, 2021

Simpanan stokpail beras negara akan ditingkatkan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Simpanan stokpail beras negara akan ditingkatkan

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Simpanan stok penimbun (stokpail) beras negara akan ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang 2023.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kian-dee berkata, langkah itu diambil sebagaimana yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi yang ditandatangani pada Disember 2020 dengan menetapkan 10 obligasi sosial kepada Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh kerajaan.

Katanya, kos penambahan stokpail beras negara melibatkan jumlah sebanyak RM250 juta yang akan ditanggung sepenuhnya oleh BERNAS.

"Menjelang akhir tahun ini, BERNAS akan meningkatkan jumlah pegangan stokpail beras negara dari 150,000 tan metrik kepada 200,000 tan metrik.

"Lawatan pemeriksaan berkala juga dibuat dari semasa ke semasa di semua lokasi penyimpanan stokpail yang meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Pihak Kementerian akan sentiasa menilai tahap stokpail beras negara dalam menampung sebarang keperluan atau permintaan luar jangka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan pemeriksaan ke gudang simpanan beras stokpail beras negara di



LAWATAN: Ronald (dua kanan) bersama Jeffrey (dua kiri) memeriksa stokpail beras semasa lawatan itu.

Telipok dekat sini semalam.

Ronald berkata, prestasi pengurusan dan penyimpanan stokpail beras negara yang dilaksanakan oleh BERNAS setakat ini memenuhi Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) obligasi sosial yang ditetapkan oleh kerajaan.

Menurutnya, industri padi dan beras adalah penting dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia.

"Keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70 peratus daripada keperluan berkenaan.

"Justeru, negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun bagi menampung

kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa.

"Pengoperasian industri padi dan beras tempatan adalah tidak terjejas walaupun negara pada ketika ini sedang berdepan dengan pandemik COVID-19," jelasnya.

Beliau berkata, kerajaan turut meletakkan aktiviti pertanian termasuk aktiviti penanaman padi sebagai perkhidmatan perlu (essential services) bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan dapat diperolehi oleh rakyat sepanjang masa.

Selain itu katanya, kerajaan akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin

kelangsungan bekalan makanan ruji negara serta menjamin kecukupan stok beras negara.

Lawatan pemeriksaan itu selaras dengan terma Perjanjian Konsesi antara kerajaan Malaysia dengan BERNAS bagi memastikan stokpail beras negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa.

Terdapat 31 gudang stokpail beras di seluruh negara.

Lawatan pemeriksaan ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Kitingan dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Azman Mahmood.



05 SEP, 2021

Simpanan stokpail beras negara akan ditingkatkan

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Simpanan stok penimbal (stokpail) beras negara akan ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang 2023. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, langkah itu diambil sebagaimana yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi yang ditandatangani pada Disember 2020 dengan menetapkan 10 obligasi sosial kepada Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh kerajaan.

05 SEP, 2021

Rice industry not affected by Covid-19 pandemic

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Rice industry not affected by Covid-19 pandemic

KOTA KINABALU: The padi and rice industry is an important one as it produces the staple food of Malaysians, said Agriculture and Food Industry minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

According to him, the annual requirement of rice for Malaysians is 2.5 million metric tonnes while the country's rice production is around 70 per cent of that requirement.

Therefore the country still imports 700,000 to 800,000 metric tonnes of rice annually to meet the domestic demand for premium and specialty rice, he said.

Speaking to the media after visiting the national rice stockpile warehouse in Telipok here yesterday, Dr Ronald disclosed that the padi and local rice industry's operation was not affected by the Covid-19 pandemic.

"The government placed agriculture activities, including padi planting activity as essential service to ensure that the country's food supply is always sufficient and easily accessible by

the rakyat at all times.

"The government in guaranteeing the continuity of the country's staple food supply as well as ensuring the sufficient rice stock, will ensure the smooth operation of the padi and rice industry as well as its chain of industries," he stressed.

Dr Ronald was accompanied by Deputy Chief Minister cum Agriculture and Fisheries Minister Datuk Dr Jeffrey G. Kitingan and MAT's Padi and Rice Supply Regulator's director general Azman Mahmood.

The visit was in line with the terms of the concession agreement between the Malaysian government and Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) to ensure that the country's rice stockpile is always sufficient and in good condition at all times.

There are 11 rice stockpile warehouses nationwide in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The concession agreement signed in December 2020 has set 10 social obligations to



Dr Ronald (right) and Dr Jeffrey (centre) inspect the rice stockpile.

Bernas which will be monitored and evaluated annually by the government.

One of the main social obligations is to preserve, maintain and manage the

country's rice stockpile by complying with all safety guidelines and Standard

Operating Procedures (SOPs) as prescribed by the government.

According to Dr Ronald, as agreed in the concession agreement, the country's total rice stockpile will also be increased to 200,000 metric tonnes in stages by 2023.

The additional cost of the country's rice stockpile of RM250 million will be fully borne by Bernas.

By the end of this year, Bernas will increase the country's total rice stockpile holdings from 150,000 tonnes to 200,000 tonnes, he said, adding that periodic inspection visits were made from time to time to all stockpile storage locations and the ministry will always ensure that the country's rice stockpile is sufficient to meet any unforeseen needs or demands.

"The performance of the management and storage of the national rice stockpile implemented by Bernas so far has met the Performance Performance Index (KPI) of social obligations set by the government," he added.



05 SEP, 2021

Rice industry not affected by Covid-19 pandemic

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: The padi and rice industry is an important one as it produces the staple food of Malaysians, said Agriculture and Food Industry minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. According to him, the annual requirement of rice for Malaysians is 2.1 million metric tonnes while the country's rice production is around 70 per cent of that requirement.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI sasar 250 lagi usahawan muda terima geran Agropreneur Muda



Ahmad (tiga dari kanan) menyampaikan replika Geran Agropreneur Muda 2021 kepada penerima di Masjid Tanah, Alor Gajah pada Sabtu.

ALOR GAJAH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan kira-kira 250 lagi usahawan muda untuk menerima manfaat Geran Agropreneur Muda sehingga penghujung tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini dianggarkan seramai 500 usahawan sudah mendapat manfaat geran tersebut menerusi peruntukan sebanyak RM15 juta yang disalurkan kepada kementerian itu pada tahun ini.

Beliau bagaimanapun berkata, masih terdapat baki peruntukan untuk usahawan muda memohon geran tersebut bagi membantu mereka memulakan projek pertanian.

"Kita menganggarkan kira-kira 750 usahawan yang akan menerima geran tersebut sepanjang tahun ini dengan menawarkan geran minimum sebanyak RM20,000 melibatkan pembelian peralatan seperti mesin dan sebagainya.

"Setakat ini sejumlah RM10 juta telah disalurkan kepada 500 daripada 750 usahawan muda yang terdiri daripada pelbagai bantuan geran," katanya ketika sidang akhbar selepas mengagihkan Geran Agropreneur Muda 2021 sempena lawatan kerjanya di Villa D Acqua, Kampung Pulau, Masjid Tanah di sini pada Sabtu.



Muhammad Adli

Sementara itu, usahawan muda tanaman nanas, Muhammad Adli Zikry Rosdi, 22, berkata, geran bernilai RM20,000 yang diterima dapat membantunya membeli lebih banyak benih dan baja untuk tanaman selain mesin.

Dia menyahut cabaran kerana minat dengan mengusahakan tanaman nanas MD2 di atas tanah seluas 0.6 hektar di Kampung Parit Melana, Durian

Tunggal sejak tahun lalu.

"Dengan dibantu ayah, saya dapat mengusahakan kira-kira 16,000 pokok nanas dan dijangka akan mengeluarkan hasil pada penghujung Disember depan.

"Saya bersyukur terpilih menerima geran ini. Ia menjadi motivasi untuk saya lebih gigih menceburi bidang pertanian," ujarnya.

Seramai 33 usahawan negeri ini menerima insiatif berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM660,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Seramai 250 lagi usahawan tani bakal diberi Geran Agropreneur Muda



ANTARA usahawan muda yang menjalankan projek berasaskan pertanian menerima geran Agropreneur Muda disampaikan Ahmad.

MASJID TANAH 4 Sept – Seramai 250 lagi usahawan tani bakal menerima manfaat Geran Agropreneur Muda disediakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini hanya 500 daripada 750 usahawan muda telah menerima manfaat itu sejak awal tahun lalu.

Jelasnya, peluang itu perlu direbut oleh setiap usahawan tani lingkungan 18 hingga 40 tahun yang menjalankan perniagaan berasaskan pertanian termasuk penternakan, perikanan, penanaman dan pengeluaran produk pertanian.



AHMAD...galak lebih ramai golongan muda ceburi bidang pertanian.

"Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM15 juta buat 750 petani muda di negara ini dengan peruntukan geran minimum RM20,000 ditawarkan untuk tahun ini.

"Setakat ini peruntukan RM10 juta telah disalurkan dalam geran ini buat golongan sasar sebagai bantuan tambahan input pertanian seperti bantuan mesin.

"Kita menyeru kepada semua usahawan muda untuk menyertai program ini sebagai usaha kita untuk menggalakkan bidang pertanian dalam kalangan generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengagihkannya Geran Agropreneur Muda pada lawatan kerjanya di Villa D'Acqua, di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly.

Pada program itu seramai 33 usahawan tani dalam negeri ini telah menerima insiatif terbabit dengan peruntukan bernilai RM660,000.

Sementara itu, seorang petani muda, Muhammad Adli Zikry Rosdi, 22, meluahkan rasa syukurnya selepas menerima geran RM20,000 untuk mengusahakan projek penanaman nanas.

Dia sebelum ini menuntut dalam bidang pengajian komposit di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTMM), namun nekad berhenti dan menceburi bidang pertanian selepas diuji pandemik COVID-19.



"Pertanian memang dekat dengan saya dan ada potensi untuk pergi jauh.

"Jadi saya sarankan anak muda untuk terus ambil peluang ini," katanya yang menjadi antara usahawan termuda menerima geran itu.

Muhammad Adli Zikry berkata, geran itu dapat membantunya memperluaskan projek tanaman nanasnya.

"Hasil galakan bapa saya berjaya menanam 16,000 nanas MD2 sejak November tahun lalu di

tanah seluas 1.5 ekar (kira-kira 0.61 hektar) dan kini menunggu hasil tuaian pada Januari nanti.

"Alhamdulillah, terima kasih atas insentif (geran) diberikan kerana ia membantu saya membeli baja dan benih tambahan agar pertanian ini mampu diperluaskan," katanya

Kilang di Johor Bahru setuju beli udang harimau

Putrajaya: Isu lambakan udang harimau dan ikan patin sangkar yang tidak terjual susulan pandemik Covid-19 menyebabkan ramai penternak hampir putus harapan.

Malah, kesulitan memasarkan hasil membabitkan penternak ikan patin sangkar di Pahang dan udang harimau di Melaka turut berpunca penurunan permintaan di peringkat pengguna.

Bagaimanapun Kementerian Pertanian dan Asas Tani (Mafi) menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) segera merangka beberapa kaedah pemasaran jangka pendek bagi menangani isu lambakan bekalan udang harimau dan ikan patin sangkar itu.

Unit Komunikasi Korporat LKIM, Mafi dalam satu kenyataan semalam memaklumkan LKIM mengadakan rundingan bersama pihak kilang memproses udang di Johor Bahru iaitu A&O Food Industry untuk menjual udang harimau yang ditenak di Melaka.

"Kilang berkenaan bersejua membeli sebanyak dua tan udang bagi setiap satu kali pengambilan secara berperingkat. Ugang berkenaan akan disejuk beku un-

Patin tua tak laku

Penternak rugi ikan gagal dipasarkan sejak awal tahun



LAPORAN Harian Metro pada 2 September lalu.

tuk pasaran luar negeri manakala udang segar pula akan dieksport ke Singapura.

"Selain itu, usaha mencari ruang pasaran tempatan di Selangor dan Terengganu turut dilakukan dan mendapat maklum balas memberangsangkan daripada pembeli," menurut kenyataan itu.

Mafi menyatakan pemasaran secara terus melalui platform sedia ada seperti kerjasama dijalankan bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) bagi pasaran dalam talian akan dipertingkatkan selain secara bayaran semasa penghantaran (COD) dan daripada

peniaga runcit individu.

Dalam usaha menangani isu lambakan ikan patin pula, LKIM menyediakan saluran pemasaran menerusi 14 Pusat Pengumpulan dan Pengeedaran (CCDC) Ikan Air Tawar di sekitar Pahang meliputi kawasan Pekan membabitkan tiga pusat, Kuantan (satu), Bera (tiga), Temerloh (lima), Lanchang (satu) dan Triang (satu).

Mafi turut memaklumkan pembelian ikan patin juga akan dibuka kepada Nekmat dan persatuan nelayan kawasan melalui geran modal pusingan pemasaran ikan serta memudah cara padanan pasaran dengan menawarkan kepada mana-mana peniaga ikan dan usahawan pemprosesan seluruh negara untuk mendapatkan secara terus daripada penternak yang terjejas.

Isnin lalu, media melaporkan Melaka menangung lambakan udang harimau seberat 15 tan bernilai RM450,000 selepas permintaan ke atas makanan laut itu susut mendadak.

Dua hari kemudian, dilaporkan lebih 50,000 ikan patin yang ditenak pengusaha di Sungai Jelai di Lipis, Pahang turut berdepan masalah sama.

LKIM bantu atasi lambakan udang Melaka

PUTRAJAYA: Lembaga Kema-
juan Ikan Malaysia (LKIM) me-
nawarkan langkah jangka pen-
dek bagi membantu penternak
memasarkan lambakan udang
harimau di Melaka, antaranya
mencari ruang pasaran tempa-
tan khususnya di Selangor dan
Terengganu.

Lembaga itu dalam satu ke-
nyataan memaklumkan, inisi-
atif berkenaan sudah dilakukan
malah mendapat maklum ba-
las memberangsangkan dalam
kalangan pembeli.

"LKIM turut berunding de-
ngan A&O Food Industries dan
kilang pemprosesan udang di
Johor itu bersetuju membeli
sebanyak dua tan metrik setiap
kali pengambilan.

"Udang harimau ini akan
disejukkan dahulu untuk
tujuan eksport ke luar negara
manakala yang jenis segar pula
dihantar terus Singapura," ka-
tanya semalam.

Ia merujuk laporan *Utusan
Malaysia* pada 30 Ogos lalu



SEBANYAK 15,000 kilogram udang harimau 'terkandas' di kolam ternakan di Sebatu, Jasin, Melaka ekoran pelaksanaan PKP sejak tahun lalu.

berhubung Melaka menang-
gung lambakan udang harimau
seberat 15,000 kilogram dan
bernilai RM450,000 dengan
kesemua spesies bersaiz L.

Udang tersebut sepatutnya

dipasarkan ke Singapura dan Jo-
hor selain medan ikan bakar di
negeri tersebut tetapi terkandas
di banyak kolam ternakan seki-
tar Sebatu, Jasin.

-Susulan lambakan dan trend

permintaan kurang sejak tahun
lepas, harga udang harimau tu-
run kepada RM26 sekilogram
berbanding antara RM30 se-
hingga RM35 sekilogram sebe-
lum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Syor gabung kementerian demi sekuriti makanan negara



KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran menggabungkan kementerian berkaitan perladangan dan industri makanan bagi menghapuskan rantaian ganas sekuriti makanan.

Ketika ini sektor komoditi dan industri makanan diselia dua kementerian berbeza iaitu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Akademi Profesor Malaysia, Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad, berkata pemetakan kedua-dua kementerian itu mampu mewujudkan simbiosis bagi sekuriti makanan negara.

Beliau yang juga Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) turut mengesyorkan supaya kerajaan mewujudkan lebih banyak universiti pertanian.

Katanya, ia bertujuan memperhebat fungsi petani kecil dalam menghasilkan hasil dan produk berimpak tinggi yang boleh dihasilkan daripada penyelidikan institusi berkenaan.

"Universiti kita sibuk mengejar 'ranking' (kedudukan) tetapi tak tahu untuk apa, sedangkan di Vietnam mereka ada 400 stesen penyelidikan agrikultur, manakala Thailand pula memiliki lebih 10 universiti pertanian.

"Sepatutnya kita boleh contohi Bangladesh, mereka ubah suai mesin dari Jepun bagi kegunaan tempatan," katanya pada webinar sempena pelancaran Persatuan Hak Dapat Makanan (HADAM), bertemakan 'Memacu Kelestarian Sistem Makanan', hari ini.

Yang turut hadir, Penasihat Penyelidik Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Prof Dr Jomo Kwame Sundaran dan Pengasas HADAM merangkap pakar nutrisi dan kesihatan awam, Prof Dr Wan Abdul Manan Wan Muda.

Fatimah yang juga Felo Pelawat Kanan KRI, turut menempelak segelintir penyelidik dikatakan tidak mengutamakan kajian partisipatori membabitkan petani, sebaliknya lebih mementingkan kerjasama dengan pihak penerbit.

Ini kerana, katanya, pembangunan dan penyelidikan (R&D) adalah aspek paling penting yang memacu inovasi, kecekapan, daya tahan dan elemen mesra alam yang mampu menghapuskan rantaian ganas sekuriti makanan.

"Profesor di Malaysia sepatutnya perlu tukar kepada kajian partisipatori dan fokus kepada masalah petani tempatan selain bangunkan aplikasi bagi membantu golongan berkenaan.

"Di Mongolia sebagai contoh, mereka bina internet kebendaaan (IoT) bagi pasaran kain kashmir. Mereka bina blok rantaian pasaran kashmir dari Mongolia hingga barat dan kini boleh dianggap setara serta telus," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan perlu memperkenalkan sistem koperasi bagi membantu komuniti petani tempatan untuk berdepan pihak pengilang dan perunding dari syarikat gergasi tempatan mahupun antarabangsa.

"Korea, Jepun, Taiwan, Belanda dan Israel tiada pun estet, tetapi lagi maju (berbanding Malaysia). Ini kerana semua ahli koperasi... 90 peratus petani Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah semuanya ada koperasi kecuali di negara ini.

"Mereka (petani tempatan) terkial-kial untuk berdepan dan berunding dengan pengilang mahupun perunding besar sampai sekarang kerana kita tidak percaya kepada sistem koperasi," katanya

05 SEP, 2021

Pasar tani bakal diwujudkan di Kampung Rajang: Len

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Pasar tani bakal diwujudkan di Kampung Rajang: Len

Bernilai RM1 juta, projek pembinaan dijadual bermula bulan ini dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun

Oleh Kepu Sidi

SARIKEL: Sebuah pasar tani bernilai RM1 juta akan diwujudkan di Kampung Rajang, Tanjung Manis.

Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Datuk Len Talif Salleh berkata, projek pembinaan pasar tani ini dijadualkan bermula bulan ini dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh satu tahun.

"Tujuan pembinaan pasar tani ini adalah untuk menyediakan kemudahan prasarana kepada penduduk di kawasan ini untuk memasarkan produk pertanian dan hasil laut yang sinonim dengan daerah Belawai dan Kampung Rajang.

"Melalui kemudahan ini,

ia akan menyediakan satu pusat perniagaan untuk masyarakat menambah pendapatan melalui perniagaan dan juga memperkenalkan produk tani atau hasil laut kepada masyarakat luar.

"Secara tidak langsung, kemudahan ini nanti akan dapat membawa impak yang positif kepada peningkatan sosial ekonomi penduduk dan juga memberikan kesesuaian kepada semua yang bakal menguruskan dan pasar ini nanti," kata Len.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke tapak projek berkenaan, semalam.

Len yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Rajang turut berkata, langkah ini juga merupakan salah satu usaha kerajaan Gabungan



SERAH PROJEK: Len menyaksikan majlis ringkas penyerahan projek pembinaan Pasar Tani Kampung Rajang.

Parti Sarawak (GPS) dalam usaha meningkatkan tahap sosial ekonomi rakyat

khususnya peniaga kecil di kawasan luar bandar.

Menurut Len, usaha ini

juga merupakan sebahagian daripada pelan pembangunan utama kerajaan untuk



05 SEP, 2021

Pasar tani bakal diwujudkan di Kampung Rajang: Len

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

“Tujuan pembinaan pasar tani ini adalah untuk menyediakan kemudahan prasarana kepada penduduk di kawasan ini untuk memasarkan produk pertanian dan hasil laut yang sinonim dengan daerah Belawai dan Kampung Rajang.”

Datuk Len Faif Sallih
Menteri Muda Perancangan Bandar, Pembangunan Tanah dan Alam Sekitar

merencanakan lagi aktiviti ekonomi di kawasan tengah negeri Sarawak, khasnya pesisir pantai.

“Kita berharap dengan wujudnya kemudahan ini, penduduk di kawasan ini dapat memanfaatkan segala peluang yang ada untuk memajukan diri dan keluarga dengan sebaik yang mungkin.

“Rancang dengan baik dan rebut peluang yang telah disediakan oleh kerajaan itu dengan penuh semangat agar kita dapat memastikan masa depan kita cerah dan terus maju,” kata Len lagi.

Turut hadir ialah Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Daro Awang Dasuki Awang Dol dan Kontraktor Blue Sky Charles Pieng.



05 SEP, 2021

Pasar tani bakal diwujudkan di Kampung Rajang: Len

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Bernilai RM1 juta, projek pembinaan dijadual bermula bulan ini dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun

SARIKEI: Sebuah pasar tani bernilai RM1 juta akan diwujudkan di Kampung Rajang, Tanjung Manis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	38

Kandang ternakan digenangi air

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulla.com.my

PONTIAN: Hujan lebat awal pagi kelmarin bukan sahaja menyebabkan beberapa rumah penduduk dilanda banjir, malah kandang ternakan milik seorang pengusaha muda di Kampung Jawa Ulu, Ayer Baloi turut dinaiki air sehingga paras lutut.

Keadaan itu menimbulkan kebimbangan pemiliknya, Mohd. Aliffi Abu Khairi, 31, apabila kira-kira 100 ekor lembu yang ditemaknya kini berada di dalam air selepas lebih 48 jam sejak kawasan itu berdepani banjir.

Keadaan itu bukan sahaja menyukarkan urusan jual beli dengan pelanggan, lebih merisaukan Mohd. Aliffi ialah keselamatan haiwan ternakannya itu yang terlalu lama berada di dalam air.

"Walaupun sebelum ini berlaku banjir seperti ini, kali ini lebih buruk kerana sudah lebih dua hari air belum menunjukkan tanda-tanda surut disebabkan kedudukannya yang berhampiran dengan Sungai Hulu dan Sungai Ayer Baloi.

"Sekiranya hujan lebat lagi dan berlaku banjir lebih teruk, saya bimbang lembu-lembu ini akan dijangkiti kuman jika ada luka-luka pada kaki," katanya



MOHD. Aliffi Abu Khairi bersama ternakan lembu di kandangnya yang dinaiki air di Kampung Jawa Ulu, Ayer Baloi, Pontian, Johor. - MINGGUAN/MUHAMMAD ZIKRI

ketika ditemui *Mingguan Malaysia*, semalam.

Mohd. Aliffi berkata, selain ternakannya, makanan lembu termasuk daun jagung dikisar, dedak dan mesin pam yang digunakan untuk mencuci kandang serta mesin pengisar jagung turut ditenggelami banjir.

"Saya khawatir lembu-lembu ini tidak mendapat makanan yang mencukupi jika tidak di-

gantikan yang baharu dengan kadar segera," katanya yang mengambil alih perniagaan itu daripada bapanya, Abu Khairi Hanafi sejak enam tahun lalu.

Sementara itu, Mohd. Aliffi berkata, dia turut menternak 100 ekor kambing, namun mungkin kedudukan kandang haiwan itu berada lebih tinggi.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Dae-

rah (JPBD) Pontian bersiap siaga bagi menghadapi segala kemungkinan berlakunya banjir di daerah itu disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Pengerusi JPBD Pontian, Mohd. Raffi Abdullah berkata, ekoran hujan lebat sejak kelmarin, beberapa rumah di kawasan rendah telah dinaiki air terutama pada bahagian dapur serta bahagian ruang tamu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Kerajaan disaran gabung dua kementerian

Penggabungan sektor perladangan, industri makanan jaga sekuriti bekalan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran menggabungkan kementerian berkaitan perladangan dan industri makanan bagi menghapuskan rantaian ganas sekuriti makanan.

Ketika ini sektor komoditi dan industri makanan diselua dua kementerian berbeza iaitu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Akademi Profesor Malaysia, Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad, berkata pemetaan kedua-dua kementerian itu mampu mewujudkan simbiosis bagi sekuriti makanan negara.

Beliau yang juga Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) turut mengesyorkan supaya kerajaan mewujudkan lebih banyak universiti pertanian.

Katanya, ia bertujuan memperhebat fungsi petani kecil dalam menghasilkan hasil dan produk berimpak tinggi yang boleh dihasilkan daripada penyelidikan institusi berkenaan.

"Universiti kita sibuk mengejar 'ranking' (kedudukan) tetapi tak tahu untuk apa, sedangkan di Vietnam mereka ada 400 stesen penyelidikan agrikultur, manakala Thailand pula ada lebih 10 universiti pertanian.

"Sepatutnya kita boleh contoh Bangladesh, mereka ubah suai mesin dari Jepun bagi kegunaan tempatan," katanya pada webinar sempena pelancaran Persatuan Hak Dapat Makanan (HADAM), bertemakan 'Memacu Kelestarian Sistem Makanan', semalam.

Yang turut hadir, Penasihat Penyelidik Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Prof Dr Jomo Kwame Sundaran dan Pengasas HADAM merangkap pakar nutrisi dan kesihatan awam, Prof Dr Wan Abdul Manan Wan Muda.

Fatimah yang juga Felo Pelawat Kanan KRI, turut menempelak segelintir penyelidik dikatakan tidak mengutamakan kajian partisipatori membabitkan petani, sebaliknya lebih mementingkan kerjasama dengan pihak penerbit.

Katanya, pembangunan dan penyelidikan (R&D) adalah aspek paling penting yang memacu ino-



Fatimah Mohamed Arshad

vasi, kecekapan, daya tahan dan elemen mesra alam yang mampu menghapuskan rantaian ganas sekuriti makanan.

"Profesor di Malaysia sepatutnya perlu tukar kepada kajian partisipatori dan fokus kepada masalah petani tempatan selain membangunkan aplikasi bagi membantu golongan berkenaan.

"Di Mongolia sebagai contoh, mereka bina internet kebendaan (IoT) bagi pasaran kain kashmir. Mereka bina blok rantaian pasaran kashmir dari Mongolia hingga barat dan kini boleh dianggap setara serta telus," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan perlu memperkenalkan sistem koperasi bagi membantu komuniti petani tempatan untuk berdepan pihak pengilang dan perunding dari syarikat gergasi tempatan mahupun antarabangsa.

"Korea, Jepun, Taiwan, Belanda dan Israel tiada pun estet, tetapi lagi maju (berbanding Malaysia). Ini kerana semua ahli koperasi... 90 peratus petani Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah semuanya ada koperasi kecuali di negara ini.

"Mereka (petani tempatan) terkial-kial untuk berdepan dan berunding dengan pengilang mahupun perunding besar sampai sekarang kerana kita tidak percaya kepada sistem koperasi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	METRO AHAD	LOKAL	11



ANGGUR PD

ISMAIL Mohamad, 45, mengamati anggur yang mula berbuah di kawasan rumahnya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson. Bermula dengan hanya sebagai projek perintis, Ismail dan isterinya, Suhaili Ahmad, 44, belajar cara menanam anggur melalui saluran YouTube dan mendapatkan benih dari pelbagai tempat bagi mengisi masa lapang selepas tidak dapat meneruskan perniagaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu. Mereka kini berjaya menanam 21 jenis anggur. - Gambar NSTP/AZUL EDHAM MOHD AMINUDDIN



SISWAZAH lepasan Kolej Universiti Agroteknik Malaysia (UCAM), Melaka, Siti Nik Shabira Abdolkah, 26, menunjukkan timun hasil usahanya menanam di sebuah kebun di kampung Mekang, Pasir Putih. Timun saiznya memang cukup untuk dijual kepada pelanggan tetap dan lumayan semasa musim ini. Sebagai langkah permulaan, beliau membuka satu serai kecil kecilan dengan menjual pelbagai benih pokok, tanaman jangka pendek seperti kacang, terung, timun dan pokok bunga selain baji penyuburan pokok dan racun rumput. Sumbutan daripada masyarakat mula membuahkan hasil apabila dapat memasarkan antara RM50 hingga RM100 sehari selepas mengusahakan seorang diri sejak dua bulan lepas.



TIMUN PASIR PUTEH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



WAN Rosdy melawat Projek Tanaman Fertigasi Cili Bara komuniti rentan Jalan Wong Ah Jang dan Jalan Pasar

TUAI HASIL 6,000KG SETIAP BULAN

Projek Tanaman Fertigasi Cili Bara bantu golongan rentan jana pendapatan

AGRO

Teks dan foto Mohd Rafi
Mamat
rencana@metro.com.my

Di mana ada kemahuan,
di situ pasti ada jalan.

Bagi membantu masyarakat yang terjejas, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Dapur Infaq Ummah Kuantan membangunkan projek tanaman cili fertigasi bersama golongan rentan di tengah bandar Kuantan, Pahang.

Projek yang diusahakan lima individu komuniti 'lorong' Wong Ah Jang itu adalah sebagai usaha bagi membantu meningkatkan taraf hidup golongan terbabit.

Ia mula dilaksanakan awal bulan lalu membabitkan 2,000 polibeg bagi memberi peluang golongan berkenaan berdikari sekali gus mengubah landskap kehidupan untuk melahirkan komuniti lebih baik.

Pengasas Dapur Infaq Ummah Kuantan, Badrul Jamili Kamaruddin berkata, tapak Projek Tanaman Fertigasi Cili Bara bagi komuniti rentan Jalan Wong Ah Jang dan Jalan Pasar adalah di hadapan Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Sultan Abdullah, Kuantan.

Kata Badrul, pihaknya tidak menyangka idea

untuk membantu golongan rentan kawasan di Jalan Wong Ah Jang dan Jalan Pasar mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri Pahang.

"Kerajaan negeri turut menyumbang pelbagai bentuk bantuan bagi projek terbabit.

"Selain itu, beberapa agensi dan NGO, seperti Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Yayasan Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) turut membantu kami dalam melaksanakan projek berkenaan," katanya ketika ditemui ketika pada program lawatan



WAN Rosdy turut mencuba menanam cili bara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	METRO AHAD	XPRESI	37

5 SEPTEMBER 2021



KOMUNITI 'arong, Wong Ah Jang mengusahakan projek tanaman pokok cili bara.



CILI bara mendapat permintaan ramai.

oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Wan Rosdy Wan Ismail, baru-baru ini.

Menurut Badrul, projek penanaman itu membuka peluang pekerjaan kepada peserta yang berminat untuk mengubah sosioekonomi mereka ke arah yang lebih baik.

Katanya, peserta mampu meraih pendapatan lumayan hasil daripada projek berkenaan sekali gus memberi sinar kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang.

"Projek ini dijangka mengeluarkan hasil pertama pada akhir tahun ini, dianggarkan 600 kilogram cili dapat dihasilkan setiap bulan.

"Dengan pengeluaran hasil itu setiap peserta akan memperoleh pendapatan kira-kira RM2,000 sebulan," katanya.

Badrul berkata, projek penanaman cili itu akan diperluaskan sekiranya projek perintis yang membabitkan lima peserta berkenaan berjaya.

Katanya, latihan diberikan kepada peserta untuk menjadi seorang usahawan melalui projek fertigasi berkenaan.

"Sekiranya berjaya kelak, mereka boleh menjadi contoh kepada individu lain untuk melaksanakan projek sama di kawasan lain.

"Kami yakin lebih ramai golongan rentan berminat untuk menjadi usahawan tani selepas melihat kejayaan lima rakan mereka" ini," katanya yang menyifatkan projek ini unik dan berbeza kerana lokasi penanaman cili ini terletak di tengah bandar raya Kuantan.



PROJEK penanaman itu membuka peluang pekerjaan kepada peserta yang berminat.

Bahan penggalak bantu tanaman cili

Cili antara tanaman yang memerlukan penjagaan rapi, bermula daripada proses semaian hinggalah kepada tuaian.

Ia memerlukan masa percambahan antara seminggu hingga 14 hari. Sepanjang tempoh itu, cili perlu dijaga dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terkena serangan penyakit.

Selain racun dan baja yang sesuai, cili juga memerlukan penggalak tanaman yang bertindak sebagai penguat kepada ketahanan pokok.

Antara bahan penggalak yang boleh membantu tanaman cili adalah campuran air tanpa klorin, belacan dan gula merah.

Ia perlu diperam



POKOK cili memerlukan baja, racun dan penggalak untuk membolehkannya berbuah dengan lebat.



CILI tanaman yang memerlukan penjagaan rapi, bermula daripada proses semaian hinggalah kepada tuaian.

selama sebulan sebelum tapis airnya untuk mengambil pati sahaja.

Campuran pati itu dan air biasa boleh digunakan untuk disemur kepada daun, batang dan tanah tanaman cilli, seminggu

sekali.

Selain pokok cili, bahan penggalak itu juga boleh digunakan untuk semburan kepada tanaman lain seperti pokok tin, sayur-sayuran dan mulberi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	KOSMO AHAD	NEGARA	12



MAT HASBOLLAH memikul rumput napier yang ditanam sendiri di kawasan seluas 2.8 hektar sebagai alternatif bagi mengurangkan kos makanan haiwan ternakannya.



LEMBU baka Australian Jersey Friesian makan makanan hasil campuran rumput napier dan dedaah bagi memastikan kekal sihat dan menghasilkan susu yang berkualiti tinggi.

Susu segar ladang Kuala Selangor

PANDEMIK Covid-19 yang melanda dunia sejak tahun lalu menjejaskan sektor ekonomi termasuk industri tenusu di negara ini.

Pernernak lembu tenusu, Mat Hasbollah Sudin, 51, merupakan antara pengusaha yang terkesan.

Mula menceburi bidang ternakan pada 2019 dengan memiliki enam ekor lembu baka Australian Jersey Friesian, bilangan haiwan tersebut kemudian meningkat kepada 30 ekor ketika ini.

Kesemua haiwan itu boleh membekalkan 30 liter susu segar sehari. Sejak pandemik Covid-19, perniagaan susu segar terjejas menyebabkan Mat Hasbollah

mengambil inisiatif mencari dan menghantar sendiri bekalan kepada pelanggan. Bagi menangani kos makanan lembu tenusu yang semakin meningkat, lelaki itu mengusahakan tanaman rumput napier di atas tanah seluas 2.8 hektar yang mampu membekalkan satu tan makanan setiap hari.

Jurugambar, **MUHAMAD IQBAL ROSLI** berpeluang mengikuti rutin harian Mat Hasbollah yang menjadi satu-satunya perternak lembu tenusu Melayu di Kuala Selangor yang terletak di Batu 10 Kampung Melaka, Tanjung Karang untuk tatapan pembaca *Kosmo! Ahad*.

Lensa Ahad



MAT HASBOLLAH memerah susu secara manual berikutan mesin pemerah susu tidak cukup untuk menampung jumlah haiwan ternakannya dalam satu-satu masa di kandangnya di Kuala Selangor.



SEORANG pekerja sedang memerah susu lembu sebelum dijual kepada orang ramai di sekitar Kuala Selangor baru-baru ini.



ANAK lembu yang berumur bawah tiga bulan diberikan susu sehingga tiga liter, dua kali sehari bagi memastikan keperluan harian adalah mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	KOSMO AHAD	PANORAMA	17

Impresi Kehidupan

Kosmo! Ahad 05.09.2021

Panorama



Tangisan penyu
di Pantai Batu Burok

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2021	KOSMO AHAD	PANORAMA	18



KUALITI air di persisiran Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu yang semakin baik juga dikatakan menjadi punca penyu agar betina ini mendarat dan bertelur di pantai tersebut baru-baru ini.

Hikmah PKP, Sang Agar berhenti merajuk

PETANG itu, Che Muktar Bakar, 57, berjoging di pesisir Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu yang menjadi rutinnya sejak pelaksanaan Fasa 2, Pelan Pemulihan Negara (PPN) awal Julai lalu.

Larian Pengarah Politeknik Besut itu terhenti sebentar apabila menyedari kehadiran satu objek bercengkerang mendarat di tepi pantai itu pada kira-kira pukul 6.50 petang.



Oleh
MOHD. AZLI
ADLAN

"Objek tersebut naik perlahan-lahan ke kawasan pantai dengan mengibas-ngibas kedua sayapnya. Hati saya terdetik, mungkin itu penyu betina yang mahu bertelur. Terkesima saya kerana sudah lama penyu tidak naik untuk membuat sarang di Pantai Batu Burok, apatah lagi sewaktu hari masih terang," ceritanya kepada *Panorama* baru-baru ini.

Che Muktar yang menetap di Kubang Parit, Kuala Terengganu berkata, beliau kemudiannya secara berhati-hati merakam video momen penyu itu membuat sarang untuk bertelur bermula dengan mengorek pasir.

"Saya sentiasa menjaga jarak bagi mengelak penyu agar betina tersebut rasa terganggu sekali gas membantutkan proses bertelur.

"Naluri kebapaan saya tersentuh. Saya sebab apabila melihat penyu betina itu mengerah sepuh tenaga sehingga kedua-dua matanya berlinang air mata sewaktu proses bertelur."



Naluri kebapaan saya tersentuh. Saya sebab apabila melihat penyu betina itu mengerah sepuh tenaga sehingga kedua-dua matanya berlinang air mata sewaktu proses bertelur."

CHE MUKTAR



TELUR penyu agar biasanya berbentuk bulat seperti bola pingpong dan berkulit lembut.

bertelur," katanya.

Che Muktar berkata, beliau tidak menunggu sehingga penyu agar itu selesai bertelur, sebaliknya memutuskan untuk pulang ke rumah apabila masuk waktu solat Maghrib pada pukul 7.21 malam.

Begitupun, lelaki itu kembali semula ke Pantai Batu Burok pada pukul 9.30 malam bagi membantu kakitangan Jabatan Perikanan Terengganu dan anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pemuliharaan penyu mengutip telur reptilia terbabit untuk diselamatkan.

Sementara itu, Pengasas Konservasi Penyu Marang, Rani Awang berkata, penyu betina dianggarkan seberat kira-kira 100

kilogram tersebut dikenal pasti sebagai spesies agar.

Beliau yang berpengalaman lebih 21 tahun dalam aktiviti pemuliharaan penyu berkata, penyu agar merupakan antara dua spesies penyu selain karah yang masih setia mendarat untuk bertelur di pantai-pantai Terengganu saban tahun, tetapi tidak di Pantai Batu Burok.

"Sudah lama Pantai Batu Burok tidak dikunjungi mana-mana spesies penyu untuk bertelur, selang saya kali terakhir pada 16 tahun lalu. Bukan sahaja spesies agar, spesies karah juga sudah lama tidak mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Burok.

"Sebab haiwan reptilia ini 'merajuk' mudah untuk kita fahami. Sebelum

EKSTRA PENYU AGAR

- Dikenali juga sebagai penyu hijau
- Saiz boleh mencapai 12 meter dengan berat badan sehingga 270 kilogram
- Makanan utama rumpal laut
- Matang pada usia 20 tahun hingga 30 tahun
- Musim mengawan pada bulan Mac hingga Jun di Pantai Barat Semenanjung Malaysia manakala Pantai Timur, Sabah dan Sarawak pada Julai hingga Oktober
- Sifat fizikal telur berbentuk bulat, berkulit lembut dan berdiameter lima sentimeter



RANI (dua dari kiri) membantu memungut telur penyu agar sebelum diserahkan kepada Jabatan Perikanan Terengganu.

pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac tahun lalu, pantai tersebut terlalu sibuk dengan aktiviti manusia," ujarnya.

Rani, 62, berkata, selain padat dengan deretan hotel dan resort, Pantai Batu Burok seolah-olah tidak pernah tidur dengan kehadiran pengunjung di deretan gerai dan kedai makan di sepanjang 2.5 kilometer pesisirnya.

"Begitupun segalanya berubah akibat penularan Covid-19 sejak awal tahun lalu membuatkan persekitaran pantai ini menjadi sunyi. Inilah hikmah PKP hingga mampu memujuk penyu agar kembali mendarat.

"Saya juga tidak tolak kemungkinan kualiti air di pesisir pantai tersebut juga telah bertambah baik sehingga membolehkan banyak hidupan laut yang menjadi makanan penyu membiak tanpa gangguan," katanya.

Rani percaya suasana sunyi dengan pencahayaan redup remang-remang senja menggamit penyu agar betina itu selesa naik ke daratan pada pukul 6.50 petang. Terangnya, kebiasaannya penyu betina yang bersedia untuk bertelur akan berlegar-legar berhampiran kawasan pantai sasaran seawal pukul 3 petang sebelum mendarat untuk bertelur.

"Sekiranya situasi sesuai dan tiada gangguan, penyu itu akan mendarat untuk bertelur. Begitupun jika sebaliknya, haiwan yang diancam kepupusan itu rela berenang menuju ke pantai lain yang berhampiran untuk melunaskan hajatnya.

"Maka, tidak hairanlah penyu betina itu dikhabarkan mendarat ke Pantai Batu Burok seawal pukul 6.50 petang. Berdasarkan pengalaman saya, penyu agar betina pernah mendarat di Pulau Kapas, Marang untuk bertelur seawal pukul 6 petang," katanya.

Dalam pada itu, Rani percaya penyu betina yang mendarat itu



PERINTAH Kawalan Pergerakan menyebabkan Pantai Batu Burok kian sunyi sehingga menggamit penyu agar kembali mendarat ke pantai tersebut untuk bertelur selepas 16 tahun tiada seekor penyu pun mendarat di situ.

masih muda dan baru hendak belajar bertelur berdasarkan keupayaannya mengeluarkan hanya 50 biji telur.

Ujarnya, secara purata seekor penyu betina akan bertelur sebanyak tiga hingga lima kali bagi setiap musim mengawan dengan 80 hingga 120 biji untuk setiap pusingan.

"Saya juga dapai sebahagian telur penyu agar yang dikutip itu sedikit ganjil apabila bersalz lonjong sedang sepatutnya ia bulat bak bola pingpong.

"Apapun, saya berdoa agar sebahagian besar daripada telur yang sudah diserahkan ke Pusat Konservasi dan Pemuliharaan Penyu Rantau Abang, Dungun itu dieram dan dapat menetas demi kelangsungan spesies berkenaan," katanya.

Rani juga yakin penyu betina sama akan mendarat semula ke Pantai Batu Burok untuk bertelur bagi pusingan seterusnya pada masa terdekat.

Justeru, Konservasi Penyu Marang diterajunya telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Perikanan Terengganu untuk memantau pantai itu bagi melancarkan proses penyu terbabit bertelur.



PENDARATAN penyu agar untuk bertelur di Pantai Batu Burok baru-baru ini membawa petanda bahawa pantai-pantai di Terengganu masih selesa untuk pembiakan haiwan itu.

Pendidikan pemuliharaan penyu perlu dipergiat

KEMUNCULAN semula seekor penyu agar betina mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu pada 17 Ogos lalu petanda baik yang mengembirakan.

Ketua Penyelidik Unit Penyelidikan Penyu (Seatru) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, pendaratan di pantai perangnya terbabit membuktikan pesisir negeri Pantai Timur yang sepanjang 245 kilometer masih sesuai untuk pembiakan haiwan reptilia berkenaan.

"Kawasan pantai Terengganu masih menjadi pilihan penyu di sebalik kebimbangan penurunan bilangan pendaratan haiwan reptilia itu untuk bertelur di negeri ini sejak kebelakangan ini.

"Ia sesuatu yang menginsafkan dan kita perlu lebih proaktif melakukan penambahbaikan bagi menggalakkan lebih banyak penyu mendarat untuk bertelur," katanya kepada *Panorama* baru-baru ini.

Mohd. Uzair berkata, perkara asas yang patut dilakukan ialah mengurangkan pencahayaan secara terus ke arah pantai.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT itu mencadangkan lebih banyak lampu berwarna merah digunakan kerana kajian membuktikan penyu kurang sensitif terhadap gelombang cahaya warna tersebut.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga disaran untuk menanam lebih banyak pokok renek seperti spesies merambun di pesisir pantai di negeri ini. Kewujudan pokok renek itu penting untuk melindungi penyu dan aktiviti persarannya," katanya.

Mohd. Uzair berkata, usaha mendidik masyarakat terutama generasi muda agar tidak menjadi ancaman terhadap penyu juga perlu digiatkan.

Tambah beliau, lebih banyak papan tanda pemberitahuan bagi memaklumkan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan perlu dipasang di kawasan pantai pusat persaranaan haiwan reptilia itu.

"Kita perlu mendidik masyarakat agar bukan sahaja tidak mengganggu proses pendaratan penyu, malah tidak memakan telur penyu demi kelestarian spesies berkenaan yang semakin terancam," katanya.



MOHD. UZAIR